

19 OCT 2000

MESYUARAT ISU PALESTIN DICADANG DIADAKAN DI JEDDAH BUKAN BAITULMAQDIS

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kementerian Luar menjelaskan hari ini bahawa cadangan Malaysia bagi sesi khas Persidangan Menteri-menteri Luar Islam (ICFM) mengenai isu Palestin ialah agar ia berlangsung di Jeddah dan bukannya Baitulmaqdis.

Wisma Putra berkata demikian dalam satu kenyataan sebagai membetulkan tempat mesyuarat itu seperti yang dinyatakan dalam kenyataan bersama Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya dari Indonesia Dr Alwi Shihab di Langkawi semalam.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas perbincangan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid.

Selaku pengerusi sesi ke-27 ICFM, Malaysia mencadangkan sesi khas itu dan ini disokong leh Indonesia. Tarikh mesyuarat itu tidak dinyatakan.

-- BERNAMA

AZZ AZZ MAI